



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 33 TAHUN 2015**

**MAJLIS PERHIMPUNAN 1UTeM
BIL. 2/2015**

Pejabat Pendaftar
12 November 2015

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 33/2015

MAJLIS PERHIMPUNAN 1UTeM BIL. 2/2015

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan kepada pengetahuan semua staf bahawa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan menganjurkan **MAJLIS PERHIMPUNAN 1UTeM BIL. 2/2015** pada ketentuan seperti berikut:

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 | 6 SAFAR 1437H)
MASA : 8.30 PAGI – 12.00 TENGAH HARI
TEMPAT : DEWAN BESAR, KAMPUS INDUK, UTeM

2.0 Sehubungan dengan itu, pihak Universiti menjemput dan **MEWAJIBKAN** semua staf ke majlis tersebut manakala para pelajar akan diwakili oleh Majlis Perwakilan Pelajar. Semua Pihak Berkuasa Universiti dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) adalah bertanggungjawab untuk memastikan kehadiran setiap staf di bawah seliaan mereka. Kehadiran staf akan diambil sewaktu pendaftaran dan setelah selesai majlis di Dewan Besar, UTeM. Pengambilan cuti pada 18 November 2015 adalah dibekukan dan mata CPD akan diuruskan oleh pihak urus setia.

3.0 Dimaklumkan juga, bahawa mana-mana staf yang terlibat atau menganjurkan apa-apa program yang melibatkan dalam atau luar kampus pada tarikh berkenaan adalah ditangguhkan. Aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang ditangguhkan perlulah digantikan kepada tarikh baru yang lain.

4.0 Atur cara adalah seperti di **Lampiran 1**.

Sekian terima kasih.

“KOMPENTENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



DATUK HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MAJLIS PERHIMPUNAN 1UTeM BIL. 2/2015
18 NOVEMBER 2015 / RABU (6 SAFAR 1437H)
DEWAN BESAR, KAMPUS INDUK UTeM

- 8.30 Pagi : Pendaftaran Staf
- 8.45 Pagi : Ketibaan Pegawai Kanan dan Tetamu Jemputan Universiti
- 8.50 Pagi : Ketibaan YBhg. Naib Canselor
- 9.00 Pagi : Nyanyian Lagu "Negaraku"
- : Nyanyian Lagu "UTeM Terbilang"
- : Bacaan Doa
- : Persembahan Montaj Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK)
- : Taklimat Ketua Pegawai Maklumat / CIO Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK)
- : Ucapan YBhg. Naib Canselor
- 12.00 Tengahari : Majlis Bersurai

Pakaian: Pakaian Kerja / Baju Korporat UTeM